

# Peniaga diseru belajar hingga cekap

Oleh HALIM MAJID

MELAKA, Ahad — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan peniaga dan pengusaha Bumiputera bahawa kecekapan mereka dalam bidang tersebut, tidak begitu tinggi serta tidak memuaskan.

"Janganlah kita malu-malu mengakui kelemahan kita. Para peniaga dan pengusaha Bumiputera tidak lagi menghadapi masalah peluang, tempat, modal dan lain-lain tetapi masalah kurang kecekapan di

bidang ini," tegas beliau.

Beliau membidas sikap setengah peniaga dan pengusaha Bumiputera yang sudah berjaya malah ada yang sudah menjadi jutawan berpendapat, mereka tidak perlu lagi belajar mengenal perniagaan.

"Sikap semacam ini, saya fikir salah kerana kita perlu memperbaharui dan meningkatkan pengetahuan kita sepanjang masa" kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu demikian, sewaktu berucap di majlis jamuan inakan malam anjuran Dewan Perniagaan Melayu Melaka di Dewan Hang Tuah di sini malam tadi.

## Kursus

Beliau mengesyorkan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu mengadakan kursus-kursus perniagaan untuk ahli-ahli perniagaan supaya mereka dapat mengetahui cara-cara baru mengenal perdagangan dan perusahaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, di Kuala Lumpur ada berbagai pertubuhan seperti Harvard Alumni, Malaysian Institut of Management dan Malaysian Institute of Marketing yang menganjurkan berbagai kursus perniagaan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Beliau memberitahu, walaupun bayaran untuk kursus itu sebanyak \$3,000; kadangkala untuk sehari sahaja, namun didapati ramal eksekutif atau pengurus-pengurus syarikat menghadirinya kerana mereka percaya dengan kursus seperti itu, boleh mendapat keuntungan berlipat ganda.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sehingga hari ini Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu di negara ini belum mengadakan kursus-kursus seperti yang dianjurkan oleh pertubuhan tadi.

Perdana Menteri mengesyorkan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu di negara ini mengadakan kursus-kursus untuk ahli-ahlinya dan dalam kursus itu, dipilih beberapa ahli perniagaan Bumiputera yang sudah berjaya dan ahli perniagaan bukan Bumiputera duduk bersama sambil bertukar-tukar pengalaman mengenai dunia perniagaan.

32  
145